



**GARIS PANDUAN TUNTUTAN ELAUN BERTUGAS PEGAWAI PERUBATAN SELEPAS
WAKTU PEJABAT DI KLINIK KESIHATAN DAN JABATAN KECEMASAN HOSPITAL
(ELAUN LOKUM) BAGI PEGAWAI PERUBATAN, PEGAWAI FARMASI
DAN JURU X-RAY (PENGURUSAN DAN PROFESIONAL)
DI HOSPITAL SULTANAH AMINAH JOHOR BAHRU**

1. PENDAHULUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Pegawai Perubatan, Pegawai Farmasi dan Juru X-ray (Pengurusan dan Profesional) berhubung peraturan Tuntutan Elaun Bertugas Pegawai Perubatan Selepas Waktu Pejabat Di Klinik Kesihatan dan Jabatan Kecemasan Hospital (“Elaun Lokum”) di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru (“HSAJB”) supaya proses tuntutan dan pembayaran dapat dibuat dengan teratur mengikut peraturan yang berkuatkuasa.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. “**Pegawai**” adalah merujuk kepada Pegawai Perubatan, Pegawai Farmasi dan Juru X-ray (Pengurusan dan Profesional).
- 2.2. Elaun Lokum dibayar kepada pegawai yang melaksanakan tugas luar waktu bekerja biasa di Klinik Rawatan Pesakit Jabatan Kecemasan.
- 2.3. Pada 12 Mac 2024, Kerajaan telah bersetuju untuk memberi pemanjangan Elaun Lokum kepada Pegawai Perubatan yang bertugas dalam waktu peluasan (*extended hours*) pada Hari Kelepasan Mingguan (Ahad) dan semua hari bertugas bagi Pegawai Farmasi dan Juru X-ray (dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional) mengikut yang telah ditetapkan.

3. PEKELILING DAN PERATURAN YANG BERKUATKUASA

- 3.1 Surat Edaran Bahagian Akaun Bil. 6 Tahun 2014, Garis Panduan Tuntutan Bayaran Insentif Klinik Rawatan Pesakit Selepas Waktu Pejabat (KRPSWP).
Rujukan : (KKM.BA/SPW/100/1-2014 (06) bertarikh 11 Mac 2014)
- 3.2 Pindaan Terhadap Tatacara Proses Pembayaran Tuntutan Bayaran Bagi Bayaran Insentif Klinik Rawatan Pesakit Selepas Waktu Pejabat (KRPSWP) Bagi Pegawai Perubatan.
Rujukan : (KKM.BA/UTB/100/1 (17) bertarikh 28 Mac 2017)

- 3.3 Surat Edaran Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) KKM, Elaun Bertugas Pegawai Perubatan Selepas Waktu Pejabat Di Klinik Kesihatan dan Jabatan Kecemasan Hospital.

Rujukan : (KKM.500-8/2/34 Jld.2(11) bertarikh 15 Mac 2024)

- 3.4 Surat Edaran Bahagian Akaun KKM, Format Penyata Tuntutan Elaun Bertugas Pegawai Perubatan Selepas Waktu Pejabat Di Klinik Kesihatan dan Jabatan Kecemasan Hospital (Lokum) Bagi Pegawai Perubatan/Pegawai Farmasi dan Juru X-ray (Pengurusan dan Profesional).

Rujukan : (KKM.100-1/1/4 (18) bertarikh 24 Mei 2024)

4. PENGESAHAN MENJALANKAN TUGAS

- 4.1 Pegawai perlu memastikan **waktu masuk/keluar termasuk waktu kerja hakiki hendaklah jelas diketik** terutama bagi melakukan lokum pada hari bekerja biasa. Sekiranya pegawai tidak mengetik masuk pada waktu bekerja hakiki tetapi hanya mengetik masuk dan keluar ketika melakukan lokum, pegawai adalah **dianggap tidak hadir bertugas pada hari tersebut dan tuntutan tidak akan dibayar**.

Rujukan : Surat Pekeliling Kewangan Bil.1 Tahun 2008 bertarikh 12 Ogos 2008

- 4.2. Surat Penjelasan beserta sokongan Ketua Jabatan/HOD diperlukan bagi kad perakam waktu yang tidak lengkap seperti berikut:

4.2.1. berlaku kerosakan pada mesin perakam waktu; atau

4.2.2. kad perakam waktu yang tidak lengkap/tidak jelas 'in' dan 'out'/dipinda.

- 4.3 Sila pastikan nama pegawai yang menuntut terdapat dalam Jadual Bertugas pada hari tuntutan. Sebarang perubahan pada Jadual Bertugas perlu **dipinda di salinan asal dan disahkan oleh Ketua Jabatan**. Jadual Bertugas perlu **diseragam dan digunapakai oleh semua pegawai yang menuntut dalam bulan yang sama**. Sekiranya nama pegawai yang menuntut tiada pada Jadual Bertugas, tuntutan pada hari tersebut akan **DITOLAK**.

5. KADAR BAYARAN

Bil.	Kategori Pegawai	Pemanjangan	Kadar
(a)	Pegawai Perubatan	Pada Hari Kelepasan Mingguan (Jumaat/Ahad)	RM80 sejam terhad maksimum 4 jam bertugas sehari.
(b)	Pegawai Farmasi	Semua hari bertugas	RM25 sejam terhad maksimum 4 jam bertugas sehari.
(c)	Juru X-ray (dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional)	Semua hari bertugas	RM25 sejam terhad maksimum 4 jam bertugas sehari.

Jadual 1: Kadar Bayaran Elaun Lokum

6. TATACARA PEMBAYARAN

6.1 Pembayaran Elaun Lokum akan dibuat berdasarkan waktu bertugas pegawai seperti di Kad Perakam Waktu **terhad kepada masa bertugas di Jadual Bertugas secara penggenapan mengikut jam.**

6.2. Tuntutan dibayar cukup jam bertugas maksimum 4 jam **tanpa mengambil kira tempoh pro-rata/jam sukuan.** Ini kerana kelayakan pembayaran elaun secara pro-rata adalah melibatkan elaun yang dibayar berdasarkan kiraan harian/bulanan. Bagi elaun yang dibayar mengikut tempoh jam, tidak ada dasar yang membolehkan kaedah pembayaran secara pro-rata.

Rujukan: Email maklumbalas Bahagian Gaji dan Elaun Jabatan Pehidmatan Awam (JPA) bertarikh 18.07.2023

6.3. Pegawai perlu menggenapkan jam bertugas sepertimana contoh pengiraan berikut:

Contoh situasi (waktu hadir bertugas Hari Bekerja Biasa)		Bilangan jam yang layak dituntut [maksimum 4 jam sepertimana Surat Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) rujukan KKM.500-8/2/34 Jld.2(11)]
Waktu Masuk	Waktu Keluar	
6.00 petang	10.00 malam	4 jam layak dibayar
6.15 petang	10.17 malam	6.15 pagi – 9.15 malam = 3 jam layak dibayar. 9.15 malam – 10.17 malam tidak layak dibayar kerana melebihi had masa 10 malam dan tidak cukup 1 jam.
5.45 petang	9.59 malam	6.00 petang – 9.00 malam = 3 jam layak dibayar. 9.00 malam – 9.59 malam tidak layak dibayar kerana kurang daripada had masa 10 malam dan tidak cukup 1 jam.
6.00 petang	Tiada	Tiada pembayaran kecuali dengan Surat Pengesahan Waktu Masuk/Keluar daripada pegawai beserta tandatangan sokongan Ketua Jabatan/HOD pada surat tersebut.
Tiada	10.00 malam	

Jadual 2: Contoh Pengiraan Bayaran Elaun Lokum

7. DOKUMEN SOKONGAN TUNTUTAN

Dokumen yang diperlukan untuk membuat tuntutan adalah seperti berikut:

7.1. Penyata Tuntutan Elaun Bertugas Pegawai Perubatan Selepas Waktu Pejabat di Klinik Kesihatan dan Jabatan Kecemasan Hospital (Elaun Lokum) bagi Pegawai Perubatan, Pegawai Farmasi dan Juru X-Ray (Pengurusan dan Profesional) **BA.KKM/LOKUM_2024** lengkap diisi dan ditandatangani oleh penuntut dan Ketua Jabatan/HOD;

7.2. Salinan Jadual Bertugas Lokum yang disahkan;

(4)

- 7.3. Salinan Kehadiran/Kad Perakam Waktu yang disahkan; dan
- 7.4. Salinan Kad Pengenalan dan Penyata Akaun Bank (Bank Gaji) yang disahkan untuk tuntutan kali pertama sahaja.

(setiap salinan dokumen sokongan perlu dicop **SALINAN BENAR DARIPADA YANG ASAL** dan disahkan oleh Ketua Jabatan/HOD atau pegawai kanan yang berkeelayakan)

8. TEMPOH PENGHANTARAN TUNTUTAN

Semua tuntutan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Unit Pengurusan Kewangan **sebelum atau pada 7 haribulan dalam bulan berikutnya** dan hanya satu tuntutan boleh dibuat bagi satu-satu bulan. **Tuntutan yang dikemukakan melangkaui bulan tidak akan diproses.**

9. SYARAT AM

- 9.1 Unit Pengurusan Kewangan akan memproses **tuntutan berdasarkan *prima facie*** di mana semua tuntutan dikemukakan dengan bukti kehadiran dan dokumen sokongan yang disahkan oleh Ketua Jabatan/HOD selaras dengan Arahan Perbendaharaan 99(a).
- 9.2. Pegawai **TIDAK BOLEH** menuntut Elaun Lokum dan Elaun Tugas Atas Panggilan (ETAP) bagi tarikh bertugas yang sama.
- 9.3. Sekiranya berlaku teguran audit dan terdapat lebihan bayaran ke atas tuntutan yang telah dibayar, pegawai perlu membuat bayaran balik bagi tuntutan yang tidak layak diterima/ianya akan **DITOLAK** dari tuntutan semasa.
- 9.4. Sekiranya pegawai didapati **mengemukakan maklumat atau dokumen palsu**, pegawai adalah melanggar tatakelakuan di bawah Peraturan 4(2)(f) dan (g), [P.U.(A) 395/1993] di mana pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib sehingga dijatuhi hukuman buang kerja.
- 9.5. Sebarang **RAYUAN** yang dikemukakan selepas tuntutan dibayar adalah **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**

10. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi pegawai di Unit Pengurusan Kewangan di talian sambungan berikut:

(i)	Puan Magdlane Tuborng Melai	-	2907
(ii)	Puan Masdita binti Md Dan	-	2797
(iii)	Puan Hamidah binti Mohamed	-	2921
(iv)	Puan Hidayuramahton binti Abdul Kadir	-	3449

11. TARIKH KUATKUASA

Garis panduan ini adalah berkuatkuasa serta-merta pada tarikh surat ini dikeluarkan.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DR. MOHAMAD NIZAM BIN HJ. SUBAHIR)

Pengarah Hospital

Hospital Sultanah Aminah

Johor Bahru

Tarikh : 5 Februari 2025